

**PINJAMAN PERUMAHAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA [*Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2011*]**

Pemohon layak untuk menikmati dua kali pinjaman sama ada memilih SPPP atau SPPI bagi pinjaman pertama dan pinjaman kedua tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Pemohon yang telah mendapat kemudahan pinjaman perumahan daripada Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hanya layak mendapat kemudahan pinjaman kedua di bawah skim ini tertakluk kepada syarat-syarat pinjaman kedua.

Kelayakan pinjaman adalah mengikut gaji hakiki sebulan seperti berikut:

<b>Gaji Hakiki (RM)</b>	<b>Kelayakan (RM)</b>
6500 ke atas	450,000
5500 ke 6499	420,000
4500 ke 5499	400,000
3500 ke 4499	380,000
3000 ke 3499	320,000
2500 ke 2999	280,000
2000 ke 2499	255,000
1500 ke 1999	205,000
1200 ke 1499	168,000
1000 ke 1199	130,000
800 ke 999	105,000
799 dan ke bawah	80,000

2. Pemohon yang layak membuat pinjaman adalah seperti berikut:
  - i. Pegawai Tetap yang sedang berkhidmat dalam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan;
  - ii. Warganegara Malaysia;
  - iii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan telah disahkan jawatan; dan
  - iv. Bukan seorang bankrap atau siberhutang hukuman atau seorang tidak berkemampuan kewangan atau sedang diambil tindakan tatatertib bagi tujuan buang kerja.
  
3. Pemohon yang akan bersara atau anggota tentera yang akan tamat perkhidmatan mesti mengemukakan permohonan dan diterima tidak lewat daripada satu (1) tahun sebelum bersara atau tamat perkhidmatan menggunakan borang yang ditetapkan.
  
4. Pemohon yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mesti mengemukakan permohonan tidak lewat daripada lima (5) tahun sebelum tamat perkhidmatan.
  
5. Pinjaman kerja tambahan berjumlah tidak melebihi RM20,000 hanya dibenarkan bagi pembelian rumah kos rendah oleh pegawai Kumpulan Sokongan II tertakluk kepada syarat seperti di Lampiran A6 PP 5/2011.

6. Pinjaman tidak boleh digunakan untuk maksud pembelian hartanah suami atau isteri kecuali hartanah tersebut perlu dijual atas arahan mahkamah atau mahkamah syariah atau untuk maksud menyelesaikan baki hutang hartanah berkenaan mengikut pinjaman Jenis V tertakluk kepada syarat di Lampiran A5 PP 5/2011.

7. Kakitangan kerajaan boleh mengambil 2 kali kemudahan pinjaman perumahan ini, pinjaman pertama sebagai pembelian harta pertama dan pinjaman kedua sebagai pembelian harta kedua atau pengubahsuaian rumah.

8. Pinjaman kedua bagi pembelian hartanah kedua dibolehkan dengan syarat pinjaman pertama telah selesai.

9. Peminjam yang telah diluluskan pinjaman sebelum 1 Januari 2009 boleh memohon melanjutkan tempoh pinjaman sehingga 30 tahun bagi pinjaman pertama dan kerja ubahsuai atau 25 tahun bagi pinjaman kedua (hartanah kedua) tertakluk kepada syarat di Lampiran A1 PP 5/2011.

Wang proses bagi pinjaman pertama adalah RM1/RM1000 pinjaman dengan kelayakan hakiki semasa manakala wang proses pinjaman kedua adalah RM2/RM1000 pinjaman dengan kelayakan hakiki semasa.

10. Jenis-jenis pinjaman yang dibenarkan adalah seperti di bawah dan syarat-syaratnya adalah seperti di Lampiran A9 PP5/2011:

- **Jenis I**

Membeli rumah atau petak rumah kediaman yang telah siap.

- **Jenis II**

Membina rumah di atas tanah sendiri.

- **Jenis III**

Membeli rumah atau petak rumah kediaman dalam pembinaan.

- **Jenis IV**

Membeli tanah dengan tujuan membina rumah.

- **Jenis V**

Menyelesaikan hutang pinjaman perumahan daripada bank/institusi kewangan.

- **Jenis VI**

Membina rumah di atas tanah pemohon yang dibeli melalui pinjaman Kerajaan.

- **Jenis VII**

Membuat kerja ubahsuai rumah.